



SMK TELOK GADONG KLANG

Arahan: Sila membuat pemilihan jawapan yang paling tepat. Selesai jawab, sila email kepada lingohng@yahoo.com

Anda hanya perlu mencatat soalan dan jawapan pada buku tulis apabila cikgu memberikan jawapan pada kelas yang berikutnya.

4.1.8 TAHAP PENGELUARAN PALING CEKAP

Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Buruh (orang)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)
0	0	-	-
1	6	6	6
2	14	7	8
3	27	9	13
4	38	9.5	11
5	44	8.8	8
6	51	8.5	7
7	51	7.3	0
8	40	5	-11

a) Jelaskan setiap tahap pengeluaran berikut berdasarkan jadual di atas?

Arahan: Sila klik pada pilihan jawapan yang paling tepat.

i) Tahap I [2m]

Berlaku dari buruh 1 orang hingga 3 orang	
Berlaku dari buruh 1 orang hingga 4 orang	

Berlaku dari keluaran sifar hingga keluaran purata maksimum iaitu 9.5 unit	
Berlaku dari keluaran sifar hingga keluaran purata maksimum iaitu 9 unit	

Pada tahap ini, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang semakin meningkat	
Pada tahap ini, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang semakin menurun	

ii) Tahap II [2m]

Berlaku dari buruh 5 orang hingga 7 orang	
Berlaku dari buruh 5 orang hingga 6 orang	

Berlaku dari keluaran sehingga keluaran sut mencapai sifar	
Berlaku dari keluaran sehingga keluaran sut mencapai maksimum	

Pada tahap ini, jumlah keluaran meningkat hingga mencapai maksimum iaitu 51 unit	
Pada tahap ini, jumlah keluaran semakin menurun	

iii) Tahap III [2m]

Berlaku pada keluaran sut sifar iaitu semasa jumlah keluaran maksimum	
Berlaku pada keluaran sut sifar iaitu semasa jumlah keluaran minimum	

Pada tahap ini, jumlah keluaran semakin meningkat	
Pada tahap ini, jumlah keluaran semakin menurun	

b) Berdasarkan soalan di a), tahap pengeluaran yang manakah merupakan tahap pengeluaran yang paling cekap?
Berikan alasan anda. [5m]

Arahan: Sila klik pada pilihan jawapan yang paling tepat.

Tahap pengeluaran I merupakan tahap pengeluaran yang paling cekap	
Tahap pengeluaran II merupakan tahap pengeluaran yang paling cekap	
Tahap pengeluaran III merupakan tahap pengeluaran yang paling cekap	

Pada tahap ini, jumlah keluaran belum mencapai maksimum	
Pada tahap ini, jumlah keluaran mencapai maksimum	

Pada tahap ini, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang semakin meningkat	
Pada tahap ini, jumlah keluaran meningkat dengan kadar yang semakin perlahan	

Gabungan input tetap dengan input berubah paling cekap	
Berlaku pembaziran input tetap	

Firma akan menikmati untung maksimum	
Firma akan mengalami kerugian	